

KORELASI GAYA PENGAJARAN GURU, GAYA PEMBELAJARAN MURID PRINSIP PERAKAUNAN DAN MINAT DALAM KEUSAHAWANAN

Siti Muti'ah Binti Hairan

Norasmah Binti Othman

Zuriana Zulkifly

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Teknologi Malaysia

Abstract

Aspirations Education Development Plan 2013-2025 in sub element of equity targeting students for academic excellence as a goal to be expected. To achieve these aspirations, the role of teachers and pupils are given special attention. In addition, the rate of dependence on employment is expected to be reduced by injecting the interest of students to become entrepreneurs after school. The Ministry of Education has initiated this effort by integrating elements of entrepreneurship in each subject. Accordingly, this study aimed to identify the relationship between teachers and teaching styles and learning styles of pupils in order to raise the academic achievement of pupils and students participating graduates. The study found that all elements of their teaching in teaching style model Grasha (1996) and learning styles in fact a student's learning style inventory Selmes (1987) are discussed. Furthermore, the Career Development Model Holland (1974) analyzed to identify interests participating graduates after school will also be discussed. Some implications and recommendations were given them, teachers need to identify students' learning style before applying the teaching force. Compatibility between teaching and learning styles will impact on the academic achievement and career interests of students.

Keywords: *Grasha teaching styles, Selmes learning styles, Holland development career, interest in entrepreneurship*

Abstrak

Aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 dalam sub elemen ekuiti mensasarkan kecemerlangan akademik murid sebagai satu matlamat yang diharapkan. Bagi mencapai aspirasi tersebut, peranan guru dan murid diberikan tumpuan khusus. Selain itu, kadar kebergantungan kepada pengajian diharap dapat dikurangkan dengan menyuntik minat murid untuk menceburi bidang keusahawanan selepas tamat persekolahan. Kementerian Pendidikan telah memulakan usaha ini dengan mengintegrasikan elemen keusahawanan dalam setiap mata pelajaran. Selaras dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid dalam usaha melonjakkan pencapaian akademik murid dan minat murid menceburi kerjaya keusahawanan. Hasil kajian mendapati kesemua elemen gaya pengajaran guru dalam model gaya pengajaran Grasha (1996) dan gaya pembelajaran murid dalam Inventori gaya pembelajaran murid Selmes (1987) dibincangkan. Selanjutnya Model Pembangunan Kerjaya Holland (1974)

dianalisis bagi mengenalpasti minat menceburi kerjaya keusahawanan selepas tamat persekolahan turut dibincangkan. Beberapa implikasi dan cadangan turut diberikan antaranya, guru perlu mengenalpasti gaya pembelajaran murid sebelum mengaplikasikan gaya pengajarannya. Keserasian antara gaya pengajaran dan pembelajaran akan memberikan impak terhadap pencapaian akademik dan minat kerjaya murid-murid.

Kata kunci: *Gaya pengajaran Grasha, gaya pembelajaran Selmes, Pembangunan Kerjaya Holland, minat keusahawanan*

PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran dilakukan dengan memindahkan ilmu atau mendapatkan pengetahuan daripada seorang yang berpengetahuan kepada seseorang individu lain yang memerlukan maklumat tersebut yang boleh mengubah tingkah laku seseorang. Ilmu ini diperlukan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sama ada pada masa kini atau keperluan masa hadapan (Azizi et al., 2006; Mook Soon Sang, 2010; Mazren, 2011). Selain itu, Faridah (2005) mendapati gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid mempengaruhi pencapaian akademik akan turut berkait dengan kerja pada masa hadapan. Dapatan Faridah (2005) telah disokong oleh Tai (2012) di mana, gaya pengajaran guru mempunyai kesan langsung kepada pembangunan kerjaya murid pada masa hadapan.

Kesesuaian kaedah pengajaran yang digunakan adalah bergantung kepada objektif pengajaran. Walau bagaimanapun, adakalanya kaedah yang digunakan dirasakan tidak mampu meningkatkan pencapaian kesemua murid. Ini adalah disebabkan kepelbagaian tahap kefahaman murid terhadap apa yang cuba disampaikan (Norasmah et al., 2005). Pernyataan ini turut disokong oleh pendapat Abdullah dan Khatijah (2002) yang menegaskan bahawa guru seharusnya menjadikan gaya pembelajaran murid sebagai petunjuk kepada gaya pengajaran yang sesuai untuk diaplikasikan di mana akhirnya akan memberikan impak kepada pencapaian akademik murid. Ini adalah kerana menurut Rahil et al. (2011), pemahaman gaya pembelajaran murid memberikan petunjuk kepada guru untuk mengetahui pencapaian akademik murid. Selain itu, Abdullah dan Khatijah (2002) turut berpendapat kepelbagaian gaya pembelajaran murid merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh murid dan seharusnya dimanfaatkan oleh guru untuk melahirkan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Abdul Rahim (2000) turut melontarkan pendapat bahawa kualiti pengajaran amat penting dalam menentukan hala tuju kejayaan proses pengajaran. Sementara itu Tanner dan Allen (2004), menyatakan bahawa guru sentiasa berusaha mencipta gaya pengajaran yang paling mudah dan ringkas yang dapat menyampaikan isi pengajaran yang mudah diterima oleh murid-murid agar pencapaian murid dapat dipertingkatkan. Selaras dengan agenda utama dalam PPPM 2013-2025, bagi memastikan kecemerlangan akademik dapat dicapai, suasana kondusif untuk P&P adalah amat diperlukan dan kerjasama daripada semua pihak khususnya guru dan murid amat diperlukan (Nurahimah et al., 2012).

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan telah direkabentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) dengan matlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran perakaunan, berakuntabiliti, berfikiran kritikal dan

membudayakan pembelajaran sepanjang hayat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2009). Turut dimasukkan ialah elemen keusahawanan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Nor Aishah (2013), Shuhaimi et al (2012) dan Zambri (2009), menjelaskan seorang usahawan perlu memiliki kemahiran dalam pengurusan kewangan yang mana aspek ini terkandung di dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Selanjutnya Zambri (2009), turut menekankan pencapaian akademik yang baik, mampu mengaplikasikan pendidikan pengurusan akaun akan menjadi motivasi dan pendorong kepada pelajar menceburi bidang keusahawanan.

Melihat kepada analisis pencapaian keputusan mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tiga tahun (Jadual 1) mendapati nilai gred purata nasional (GPN) menunjukkan peningkatan. Semakin besar nilai GPN bermakna semakin merosot pencapaian dalam peperiksaan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2015). Menurut Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Y.Bhg. Datuk Seri Dr. Mohd. Khair bin Mohamad Yusoff, “penurunan pencapaian ini disebabkan kecenderungan guru dan murid meramal bentuk soalan yang sama pada setiap tahun sehingga menyebabkan murid mengulangkaji mengikut cara lama, sedangkan soalan yang digubal pada tahun 2013 telah berubah pengolahannya. Skop soalan adalah sama tetapi pengolahan jawapan yang berbeza” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Jadual 1: Analisis Gred Purata Nasional Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Dalam SPM

Tahun Peperiksaan	Gred Purata Nasional
2012	4.58
2013	4.62
2014	4.64

Penurunan pencapaian ini meningkatkan kegusaran khususnya murid dan guru. Nilai GPN yang ditunjukkan memberi gambaran seakan wujud kelemahan dalam P&P bagi mata pelajaran ini.

Tambahan lagi melihat kepada statistik Jabatan Perangkaan Negara pada Mac 2015 mencatatkan jumlah pengangguran di Malaysia sebanyak tiga peratus atau seramai 442,000 orang penganggur. Statistik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2014) pula, mendapati sekitar 25 peratus atau 53,281 daripada 212,827 graduan institut pengajian tinggi masih menganggur setelah menamatkan pengajian masing-masing.

Justru, kajian perlu dilakukan bagi mengenalpasti gaya pengajaran yang diaplikasikan oleh guru, gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid dan tahap minat murid bagi menceburi bidang keusahawanan selepas tamat persekolahan. Adalah menjadi harapan agar minat murid untuk menceburi bidang keusahawanan akan membantu mengurangkan statistik kebergantungan kepada pengajian dan jumlah pengangguran dalam kalangan masyarakat hasil daripada keberkesanan gaya pengajaran dan gaya pembelajaran murid. Kajian akan menumpukan kepada peranan guru dan murid. Adakah disebabkan kegagalan guru mengaplikasikan gaya pengajaran yang sesuai dalam menyampaikan objektif pengajaran khususnya mata pelajaran Prinsip

Perakaunan atau disebabkan ketidakserasian amalan gaya pembelajaran murid kerana kepelbagaian tahap pemahaman murid.

LATARBELAKANG

Pengajaran merujuk kepada cara atau kegiatan guru mata pelajaran menerapkan pengetahuan dan kefahaman kepada murid terhadap apa yang diajar (Mak Soon Sang, 2004). Shabudin et al. (2003) turut menambah, peranan seorang pendidik ialah berkongsi maklumat dengan anak murid bagi membolehkan proses penyampaian ilmu dapat disempurnakan. Selanjutnya, kepelbagaian gaya pembelajaran murid akan menjadi petunjuk kepada prestasi akademik murid dan seterusnya memberi gambaran kepada kejayaan atau kegagalan proses P&P guru (Khatijah dan Abdullah, 2002).

Kewujudan pengajaran semestinya disebabkan keperluan pembelajaran. Maka, pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai sebahagian dari kehidupan manusia dan proses ini boleh berlaku secara formal atau tidak formal (Rohaila, 2006). Menurut Zaharatul Laili (2007), pembelajaran merupakan proses memperoleh pengetahuan dengan tujuan merubah tingkah laku. Nordin (2008) pula mengatakan bahawa setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza seperti melibatkan diri secara aktif dalam proses P&P atau gemar menggunakan prinsip dan teori sedia ada.

Peranan yang dimainkan oleh guru dan murid melalui gaya pengajaran dan gaya pembelajaran akan memberikan kesan kepada minat terhadap kerjaya murid selepas tamat persekolahan (Tay, 2012). Minat boleh dipengaruhi oleh dua faktor iaitu dalaman (intrinsik) seperti minat yang telah wujud dalam diri individu itu sendiri. Faktor kedua pula ialah faktor luaran (ekstrinsik) iaitu dorongan oleh keluarga, guru atau persekitaran (Abdul Rashid, 2009). Menurut Tay (2012) lagi, gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid mempengaruhi minat murid terhadap pemilihan kerjaya pada masa hadapan. Henerson dan Robertson (2000) turut menjelaskan bahawa galakkan pendidik telah mempengaruhi minat murid dalam pemilihan kerjaya keusahawanan.

MODEL GAYA PENGAJARAN GURU GRASHA (1996)

Dalam Model Pengajaran Grasha (1996) telah mengenalpasti lima gaya pengajaran iaitu gaya pengajaran pakar, gaya pengajaran autoriti formal, gaya pengajaran model personal, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator. Gaya Pengajaran Grasha (1996) diperincikan seperti berikut:

i. Guru pengajaran gaya pakar

Guru mempunyai keyakinan diri yang tinggi bahawa pelajar amat memerlukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki. Mereka akan menunjukkan kebolehan dan kepakaran dalam aktiviti pengajaran. Guru sentiasa mencabar murid dengan mengajukan persoalan. Gaya pakar yang berterusan ini kurang sesuai bagi pelajar tahap lemah kerana mereka akan rasa terancam dan rendah diri.

ii. Gaya pengajaran autoriti formal

Guru merujuk kepada pengajaran yang berada dalam trek. Maksudnya guru melaksanakan pengajaran dengan mematuhi sepenuhnya piawaian yang ditetapkan.

Pengajaran berbentuk berstruktur dan sistematis. Gaya pengajaran ini kurang sesuai kerana kesukaran membuat perubahan atau ubah suai dalam sesi P&P.

iii. Gaya peribadi atau personel

Guru sering menjadikan diri sendiri sebagai contoh dalam aktiviti pengajaran. Mereka percaya keperibadian yang ada mampu membimbing murid ke arah yang dikehendaki. Pengajaran gaya ini akan membuatkan guru sentiasa membimbing, mengawasi dan memastikan tatacara dipatuhi oleh murid bagi menyelesaikan tugas. Guru menggalakkan murid membuat pemerhatian dan mencontohi pendekatan yang ditunjukkan oleh guru.

iv. Gaya pengajaran fasilitator.

Gaya ini banyak diamalkan oleh guru-guru kerana sikap pendidik yang mendalam untuk membimbing dan mengawasi murid-murid. Komunikasi dua hala antara guru dengan murid amat dititikberatkan. Guru gaya ini lebih cenderung mendampingi murid untuk mengetahui masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh murid. Guru akan sentiasa membimbing dan memberikan arahan dalam menyelesaikan masalah melalui soalan, meneroka pilihan yang ada dan sesuai serta memberi cadangan alternatif. Guru gaya ini mempunyai matlamat membentuk kapasiti murid berupaya bertindak sendiri, berinisiatif dan bertanggungjawab.

v. Gaya pengajaran delegator

Guru memberi peluang kepada murid untuk membuat keputusan atau berfungsi secara autonomi. Gaya ini dilihat dapat melatih keyakinan diri murid dalam membuat keputusan. Tugas diberikan kepada murid tanpa disediakan tatacara penyelesaian masalah atau senarai semak. Kehadiran guru hanya untuk membantu murid apabila diperlukan. Gaya ini memberi peluang murid berdikari tetapi agak kurang sesuai bagi murid yang tidak mempunyai keyakinan untuk menyelesaikan tugas secara bersendirian.

Namun begitu Grasha (1994) mendapati, gaya-gaya pengajaran guru tidak diamalkan secara berasingan malah setiap guru berusaha untuk menyampaikan pengajaran dengan gaya yang paling mudah difahami oleh murid. Oleh itu, Grasha (1994) telah membuat empat kelompok gaya pengajaran yang sering diamalkan oleh guru iaitu kelompok satu ialah gaya pakar/gaya model personal, kelompok dua pula gaya pakar/gaya model personal/autoriti formal, kelompok tiga gaya fasilitator/gaya model personal/gaya pakar dan akhir sekali kelompok empat ialah gaya delegator/gaya fasilitator/gaya pakar. Gabungan gaya-gaya tersebut disepadukan bagi melengkap dan menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian gaya pembelajaran murid.

Selanjutnya, Kemp (1987) mengatakan bahawa inovasi yang berjaya dalam pendidikan memerlukan sekurang-kurangnya tiga unsur utama iaitu pendidik yang sangat mengambil berat tentang keberkesanan pengajaran dan memperbaiki diri mereka, pentadbir yang sentiasa memberi galakan dan sokongan serta rancangan pengajaran yang disusun dengan teliti. Abdul Rahim (2005) turut berhujah bahawa seorang guru haruslah mempunyai ciri-ciri personal, ciri interpersonal, ciri profesional, intelektual yang baik, berkemahiran dalam pengurusan dan menguasai pedagogi untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran.

Nurul Ezzati et al. (2011) dalam kajiannya bertajuk Perbandingan Faktor Yang Mempengaruhi Proses Pengajaran dan Pembelajaran antara sekolah di bandar dan luar bandar menunjukkan dapatan 81 peratus daripada 333 orang responden menyatakan bahawa gaya pengajaran guru memberi pengaruh kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian oleh Shahrin dan Herdy (2010) turut menemukan dapatan antara 69 hingga 74 peratus responden bersetuju bahawa faktor kurikulum, bahan bantu mengajar, gaya pengajaran dan persekitaran telah mempengaruhi proses P&P mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu bagi elektif Perdagangan dan keusahawanan.

INVENTORI GAYA PEMBELAJARAN SELMES (1987)

Model Gaya Pembelajaran Selmes (1987) telah dipilih untuk kajian gaya pembelajaran murid yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan tingkatan empat. Alat kajian yang digunakan bagi mengukur gaya pembelajaran murid dinamakan Inventori Pembelajaran di Sekolah Selmes (1987). Terdapat lima gaya pembelajaran yang telah dikemukakan oleh Selmes (1987) iaitu:

i. Gaya pembelajaran mendalam

Murid mempunyai minat yang tinggi terhadap kandungan pelajaran dan cuba memahaminya secara mendalam. Mereka cuba merumuskan kaedah-kaedah yang digunakan semasa menyelesaikan masalah yang diberi. Namun begitu terdapat sebahagian murid hanya bergantung kepada bahan yang diberi oleh guru dan tidak berusaha untuk mempelbagaikan bahan pelajaran serta memberi pendapat sendiri apabila berpeluang. Murid mencari makna tersirat dan memerlukan pemikiran kritikal terhadap bacaan.

ii. Gaya pembelajaran permukaan

Murid memerlukan penerangan dan arahan yang terperinci daripada guru tentang tugas yang perlu dibuat. Murid hanya menghafal fakta yang diberikan dan menganggap setiap fakta berdiri sendiri (tiada kaitan antara satu sama lain). Murid yang mengamalkan gaya pembelajaran ini biasanya tidak memahami isi kandungan pelajaran dengan mendalam.

iii. Gaya pembelajaran dorongan (*motivational learning style*)

Murid memerlukan motivasi dan galakan dalam melakukan tugas yang diberikan. Dorongan berupa dalaman dan luaran. Murid mempunyai semangat bertanding terutamanya dengan rakan sekelas dan mencari jalan untuk berjaya.

iv. Gaya pembelajaran terancang

Murid akan bersedia dengan apa yang hendak disampaikan oleh guru. Dalam menyelesaikan tugas, mereka merangka jawapan terlebih dahulu dan mengambil kira apa yang diingat sebelum menjawab soalan ujian. Seseorang murid juga akan memperuntukkan masa yang mencukupi untuk belajar kesemua subjek yang dipelajari.

v. Gaya pembelajaran gigih usaha

Gaya pembelajaran ini, murid akan sentiasa berusaha mencari punca kelemahan apabila prestasi menurun dan memperbaikinya dengan segera. Di samping itu, mereka berusaha membuat rujukan tambahan daripada beberapa buah buku dan menyiapkan sesuatu tugas secepat mungkin. Murid yang mengamalkan gaya pembelajaran ini tidak terlalu bergantung kepada orang lain dan menunjukkan kesungguhan dalam pelajaran.

Dalam Kajian Faridah (2006) murid-murid yang mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun tingkatan empat di daerah Klang mendapati gaya pembelajaran murid mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik. Dapat ini turut dipersetujui oleh Faridah (2005), Hasnira (2005) dan Rahayu (2008). Namun begitu, Rihan (2002) dalam kajiannya terhadap 241 orang murid yang mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun di daerah Klang, menemui tiada hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran murid dengan pencapaian akademik dan ini turut disokong oleh Bazitah (2006).

MODEL PEMBANGUNAN KERJAYA HOLLAND (1974)

Model Pembangunan Kerjaya Holland (1974) dipilih bagi membincangkan minat murid terhadap kerjaya keusahawanan. Dalam model ini terdapat enam personaliti yang dikenalpasti.

i. Realistik

Individu yang mempunyai personaliti realistik atau agresif gemar kepada tugas berkemahiran melibatkan mengekspresikan segala kekuatan yang ada dalam diri individu. Ciri-ciri yang ada dalam diri mereka seperti kurang bersosial, jujur, keras kepala dan materialistik. Contoh kerjaya dalam bidang realistik ialah mekanik, tukang kayu, juruteknik dan sebagainya.

ii. Menyelidik (investegating)

Personaliti menyelidik atau investegating melibatkan kerjaya yang memerlukan pemikiran seperti doktor, ahli kimia, dan penyelidik. Mereka biasanya kebiasaannya mempunyai ciri-ciri analitikal, berhati-hati, sikap ingin tahu yang tinggi, pendiam dan lain-lain. (lain2 tu apa?)

iii. Artistik

Individu yang mempunyai personaliti artistik adalah individu yang meminati aktiviti berkaitan kesenian. Individu dalam personaliti ini gemar kepada aktiviti bebas, dan tidak bersistematik. Mereka gemar memanipulasi bahan-bahan dan perkataan di samping menghindari aktiviti yang eksplisit, sistematik dan berperaturan. Kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti ini ialah ahli muzik atau karyawan seni.

iv. *Enterprising* atau *extrovert*

Individu yang memiliki personaliti *enterprising* atau *extrovert* memiliki kemahiran memanipulasi orang lain seperti mengarah, memujuk dan memimpin untuk mencapai matlamat organisasi. Mereka mengimpikan pencapaian, suka mengembara dan mudah bersetuju, bercita-cita tinggi, berusaha gigih dan berkeyakinan tinggi. Kerjaya yang terpilih seperti ahli politik, pengurus dan peniaga.

v. Sosial

Individu yang mempunyai personaliti sosial memilih aktiviti melatih, mendidik, mengubati dan mengembangkan bakat individu. Mereka mempunyai ciri-ciri seperti berpengaruh, berkerjasama, sabar, peramah, suka membantu, idealistik dan empati. Kerjaya yang sesuai bagi individu yang berpersonaliti ini ialah pendidik, ahli psikologi, kaunselor atau pegawai kebajikan.

vi. Konvensional

Individu yang berpersonaliti konvensional memiliki minat, kecekapan dan persepsi diri serta sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan tugas. Mereka juga mempunyai integriti dan disiplin yang tinggi. Kerjaya yang terkandung dalam personaliti ini ialah kerani, setiausaha, penyimpan kira atau operator.

Dalam membangunkan kerjaya murid, Azilawati et al. (2010) dalam kajian mereka yang bertajuk Aspirasi kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin mendapati faktor dorongan merupakan antara faktor utama yang menyebabkan pelajar meminati kerjaya keusahawanan. Yusof dan Sapiah (2010) turut menambah, kejayaan individu dalam sesuatu bidang yang diceburi juga dipengaruhi oleh minat yang positif kerana minat itu sendiri akan mendorong individu terbabit berusaha mencapai apa yang dihasratkan. Selain itu dapatan kajian mereka mendapati murid lebih fokus semasa proses P&P berbanding mendapatkan maklumat berkaitan keusahawanan dengan menghadiri ekspo atau seminar (20 peratus). Ini boleh diinterpretasikan sebagai, guru perlu memberikan lebih penekanan semasa proses P&P, sebagai contoh dengan memberikan tugas yang memberikan gambaran seorang usahawan bagi memupuk minat murid kepada keusahawanan. Seterusnya, dapatan kajian oleh Bakar (2010) mendapati kurikulum berperanan dalam memupuk minat, kemahiran dan pengetahuan untuk memandu murid mencapai objektif atau kejayaan menceburi kerjaya keusahawanan dengan jayanya. Kurikulum yang dinyatakan oleh Norfadhila (2010) ini boleh dirujuk sebagai elemen keusahawanan yang telah diterapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) dalam semua mata pelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah. Tay (2012) melalui kajian eksperimen beliau melibatkan enam orang guru dan 219 orang murid menunjukkan gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran murid selepas rawatan menunjukkan kesan terhadap minat dalam pemilihan kerjaya. Dapatan kajian oleh Faridah (2005) turut membuktikan wujudnya pengaruh gaya pembelajaran dengan minat kerjaya pada masa hadapan.

HUBUNGAN GAYA PENGAJARAN DAN GAYA PEMBELAJARAN

Model Gaya Pengajaran Grasha menampilkan kualiti personal dan tingkah laku dalam mengendalikan kelas. Untuk itu Grasha (1996) telah mencadangkan lima gaya pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam melaksanakan proses P&P. Menurut Grasha (1994), gaya pengajaran guru ini tidak hadir secara berasingan tetapi sebaliknya wujud dalam kelompok. Empat kelompok gaya pengajaran yang dikenalpasti oleh Grasha (1994) iaitu, kelompok satu ialah gaya pakar dan gaya model personal, kelompok dua pula gaya pakar, gaya model personal dan gaya autoriti formal, kelompok tiga gaya fasilitator, gaya model personal dan gaya pakar dan akhir sekali kelompok empat ialah gaya delegator, gaya fasilitator dan gaya pakar. Gabungan gaya-gaya tersebut disepadukan bagi melengkap dan menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian gaya pembelajaran murid. Kajian oleh Rahayu (2008) terhadap murid yang mengambil mata pelajaran Fizik dan Farida (2005) terhadap murid yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan tidak menemukan kombinasi sebagaimana dicadangkan oleh Grasha (1994). Namun, kedua-duanya mengamalkan gaya pengajaran pakar. Adalah amat bertepatan bagi seorang guru

menampilkan kepakaran mereka dalam mata pelajaran yang diajar bagi meningkatkan keyakinan murid-murid dalam menguasai apa yang dipelajari.

Bagi melihat perhubungan gaya pengajaran dengan gaya pembelajaran, Inventori Model Gaya Pembelajaran Selmes (1987) telah mencadangkan pembelajaran berasaskan kepada konsep pembelajaran berdikari, unsur persaingan antara murid, penghasilan kerja berkualiti, usaha yang gigih dan pembelajaran yang terancang. Model ini terdiri daripada lima gaya pembelajaran iaitu gaya permukaan, gaya mendalam, gaya terancang, gaya dorongan dan gaya usaha gigih.

Selmes (1987) menginterpretasikan gaya pembelajaran dorongan dan permukaan ini sebagai murid yang memerlukan arahan yang jelas, penerangan yang terperinci dan hanya menghafal fakta tanpa mengetahui perkaitannya. Mereka juga mengharapkan pujian dan galakkan atau motivasi untuk menyelesaikan tugas.

Faridah (2005) mendapati, murid yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan lebih cenderung mengamalkan gaya pembelajaran dorongan, gaya pembelajaran permukaan dan gaya mendalam. Dapatan Kajian Rahayu (2008) turut menunjukkan gaya pembelajaran murid yang mengambil mata pelajaran Fizik tingkatan empat mengamalkan gaya pembelajaran dorongan (paling cenderung). Ini mungkin disebabkan murid-murid tingkatan empat masih dalam proses menyesuaikan diri dengan subjek ini. Selanjutnya Henriques dan Felder (1995) berpendapat bahawa gaya pengajaran yang serasi akan memberikan kesan kepada gaya pembelajaran, sikap, tingkah laku dan motivasi murid.

HUBUNGAN GAYA PENGAJARAN, GAYA PEMBELAJARAN DAN MINAT KERJAYA KEUSAHAWANAN

Tahap minat murid yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan tingkatan empat untuk menceburi kerjaya keusahawanan selepas tamat persekolahan diukur dengan analisis deskriptif dan inference bagi mencari nilai min, sisihan piawai dan korelasi. Minat murid menceburi kerjaya keusahawanan akan berdasarkan gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid itu sendiri. Arif (2014) dalam kajian terhadap pelajar pintar cerdas UKM mendapati wujud hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pemilihan kerjaya. Sementara itu, Yusof dan Sapiah (2010) mendapati, minat terhadap sesuatu kerjaya mempunyai hubungan kait dengan minat terhadap suatu mata pelajaran yang berkaitan seperti mata pelajaran Prinsip Perakaunan ini. Dapatan kajian Noraini dan Siti Solehah (2010), dan Rosni dan Norfazila (2010) menunjukkan kurikulum memainkan peranan yang penting dalam mengubah tanggapan dan mendorong minat murid menyertai kerjaya keusahawanan. Tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia (1992; 2012) dengan memasukkan elemen keusahawanan dalam setiap mata pelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah diharapkan dapat membuka minda murid kepada kerjaya keusahawanan. Kewujudan elemen keusahawanan telah menjadi pendorong untuk guru memberi dorongan kepada murid bagi menyertai kerjaya keusahawanan selepas tamat persekolahan (Azilawati et al., 2010). Murid yang mengamalkan gaya pembelajaran usaha gigih akan berusaha mencari bahan tambahan bagi mendapatkan maklumat berkaitan apa yang dipelajari dan berkemungkinan juga atas dorongan guru (Yusof dan Sapiah, 2010). Selanjutnya,

keserasian antara gaya pengajaran dan gaya pembelajaran murid akan memberi kesan kepada pemilihan kerjaya murid (Tai, 2012).

CADANGAN DAN IMPLIKASI

Bersandarkan dapatan Khatijah dan Abdullah (2000), gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid boleh dijadikan isyarat kepada guru dalam memilih gaya pengajaran yang sesuai diaplikasikan oleh guru. Adalah disarankan agar guru-guru terlebih dahulu mengenalpasti gaya pembelajaran murid-murid sebelum mengambil keputusan untuk mengaplikasikan gaya pengajaran yang sesuai. Menurut Shahril @ Chairil et al. (1993), tugas utama seorang pendidik ialah menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid - muridnya. Selain dari ilmu pengetahuan seorang guru juga memainkan peranan yang penting bagi memperkembangkan suatu kemahiran dan juga membentuk akhlak murid. Guru juga berperanan sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai contoh teladan.

Cadangan kedua organisasi sekolah mahupun bahagian yang menguruskan latihan para guru dicadangkan untuk mendedahkan guru kepada kepelbagaian gaya pengajaran yang boleh menarik minat murid untuk mengaplikasikan gaya pembelajaran yang sesuai dengan tahap pemahaman. Ini adalah kerana setiap murid mempunyai tahap pemahaman yang berbeza (Norasmah et al., 2006). Terdahulu, Kolb (1971) telah menyatakan bahawa, kejayaan atau kegagalan pembelajaran seseorang individu adalah tertakluk kepada pemahaman proses pembelajarannya atau lebih mudah difahami gaya pembelajarannya sendiri. Justeru, seorang guru perlu memainkan peranan dalam memahami tahap pemahaman setiap muridnya.

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (1997;2000) menyatakan bahawa, pengajaran guru dalam bilik darjah mampu merubah lanskap pembelajaran murid dan akhirnya memberikan impak kepada kecemerlangan akademik. Bagi merealisasikan pernyataan ini, guru perlu sentiasa mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengasah bakat untuk memperbaiki gaya pengajaran kerana berdasarkan pernyataan daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (1997;2000) tersebut pengaruh guru dalam bilik darjah sememangnya tidak dapat disangkal. Justeru, aspek kepimpinan seperti cara berkomunikasi, keupayaan mempengaruhi dan mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang luas perlu dikuasai oleh seorang pendidik.

Segala usaha yang dilakukan oleh guru dan organisasi pendidikan semuanya bermatlamatkan mencapai kecemerlangan bagi merelisasikan sub ekuiti dalam 11 aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025). Mencapai kecemerlangan akademik setiap murid dengan merapatkan jurang pendidikan di antara bandar dan luar bandar akan direalisasikan melalui penguasaan ilmu pengetahuan dengan nilai tambah keserasian gaya pengajaran dan gaya pembelajaran murid. Nurahimah et al. (2012) mengatakan bahawa kerjasama daripada semua pihak khususnya guru dan murid amat diperlukan dalam mencapai agenda utama PPPM 2013-2025 ini. Kejayaan proses P&P dapat dikenalpasti melalui kecemerlangan akademik yang baik bagi negara-negara yang mengamalkan dasar pendidikan berorientasikan peperiksaan seperti Malaysia. Adalah menjadi harapan, gred nilai purata kebangsaan akan dapat diturunkan dari masa ke semasa.

Justeru, dalam proses P&P, guru seharusnya mengambil kesempatan memberikan bimbingan kepada murid untuk menceburi kerjaya yang sesuai dengan mata pelajaran Prinsip Perakaunan ini. Dalam silibus mata pelajaran tersebut telah terkandung elemen keusahawanan. Penganjuran hari keusahawanan atau pengelibatan dalam pegurusan koperasi di sekolah dilihat mampu menjadi medium penyampaian atau simulasi dalam menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Di samping mengaplikasikan perekodan kewangan, murid terdedah kepada teknik menyediakan rancangan perniagaan termasuklah mengira kos dan margin keuntungan. Turut didedahkan juga cara mengira titik pulang modal. Kejayaan mengendalikan perniagaan dalam program tersebut akan menyuntik minat murid ke arah kerjaya keusahawanan selepas tamat persekolahan.

KESIMPULAN

Prestasi GPN bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan perlu diperbaiki selaras dengan aspirasi PPPM 2013-2025 iaitu mencapai kecemerlangan akademik. Oleh yang demikian, guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran kepada kepelbagaian gaya pengajaran dan seharusnya bijak membuat penyesuaian antara gaya pengajaran dengan gaya pembelajaran murid. Kesperasian gaya pengajaran dan gaya pembelajaran ini diperlukan bagi menangkis persepsi murid bahawa mereka hanya berusaha sendiri tanpa bantuan guru yang dipertanggungjawabkan membimbing dan mendorong kepada kejayaan objektif mata pelajaran dan elemen keusahawanan dalam setiap mata pelajaran. Kesperasian ini juga diperlukan agar murid dapat melalui proses P&P dengan baik dan selesa. Selain itu, kajian ini juga akan memberikan gambaran kepada guru bahawa peranan guru amat penting dalam mendorong kecemerlangan akademik murid dan akhirnya menyokong pendapat Zambri (2009) yang mana pencapaian akademik yang baik, mampu mengaplikasikan pendidikan pengurusan akaun akan menjadi motivasi dan pendorong kepada pelajar menceburi dunia keusahawanan. Turut menjadi harapan, guru dan murid mengaplikasikan gaya yang saling melengkapi dan dapat menyuntik minat untuk menyertai kerjaya keusahawanan kelak.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Razzaq, Nurul Ikhwan Rodzi, Ahmad Esa, Jamaludin Hashim, Mohd Zaid Mustafa (2009). *Pengaruh subjek pertanian dalam membina minat pelajar terhadap kerjaya dalam bidang pertanian: kajian kes di sekolah menengah teknik*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik Dan Vokasional Kali Ke 3 2009, UTM Skudai
- Azilahwati Adam, Syaharizad Abdul Razak, Muhammad Helmi Abu Bakar (2010). *Aspirasi Kerjaya Sebagai Usahawan di Kalangan Pelajar-pelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Jasin*
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Hj. Yahya, Shareeza Abdul Karim dan Nordin Yahya (2008). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Tingkatan Empat*

- Sekolah Menengah Teknik N. Sembilan*. Permasalahan Pembelajaran di Sekolah. Penerbit UTM, Skudai.
- Azizi Hj. Yahya, Shareeza Abdul Karim (2003). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di tingkatan empat sekolah menengah teknik Negeri Sembilan*. Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan Nasional 19-21 Oktober 2003, Johor Bahru
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2012). *Buku Panduan Elemen Keusahawanan*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Bazitah Abu Bakar (2006). Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik: tinjauan tiga buah madrasah sepenuh masa di Singapura. Tesis Sarjana, UTM, Johor.
- Felder, R.M. & Hendriques, E.R. 1995. Learning and Teaching Styles in foreign and second language education. *Foreign Language Annals*. 28(1):21-31.
- Felder, R.M. (1988). *Learning and Teaching Styles in Engineering Education*. Engineering Education. 78(7):674-681.
- Felder, R.M. & Henriques, E.R. (1995). *Learning and Teaching Styles In Foreign and Second Language Education*. Foreign Language Annals, 28(1): 21-31
- Grasha, A.F. & Hicks, N.Y. (2000). *Integrating teaching and learning styles with instructional technology*. College Teaching. 48:1-12
- Grasha, A.F (1994). A matter of styles: *The Teacher as a expert, formal authority, personal model, facilitator and delegator*. College Teaching. 48 (1):21-31
- Grasha, A.F. (1996). *Teaching with style : A practical guide to enhance learning by understanding learning and teaching styles*. New York: Alliance Publisher.
- Grasha, A.F. (2003). *The dynamics of one-on-one teaching*. The social studies. 179-187
- Hanuni Yusof (2003). Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Prinsip Akaun. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundatios of Behavioral Researc*. Holt, Rinehart and Winston, New York.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur.
- Kementrian Pendidikan Malaysia (2002). *Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1, 2 dan 3*. Putrajaya.
- Kementrian Pendidikan Malaysia (2009). *Huraian Sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya.
- M. Arif (2014). Gaya pembelajaran dan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar pintar cerdas. Tesis Sarjana UKM, Bangi.
- Maureen J. Lage, Glenn J. Platt and Michael Treglia (2000). *Inverting the Classroom: A Gateway to Creating an Inclusive Learning Environment*. The Journal of Economic Education, Vol. 31, No. 1 (Winter, 2000), pp. 30-43 Published by: Taylor & Francis, Ltd.
- McMillan, J.H. dan Schumacher, S. (2006). *Reaserch in Education*. Boston. Pearson Education.
- Mok Soon Sang (2000). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Norfadilah Abu Bakar (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Tahun Akhir Terhadap Bidang Keusahawanan Di UTM*.
- Noraini Othman, & Siti Solehah Misman, (2010). *Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4sph Dalam Bidang Keusahawanan*, 1-9.
- Norasmah Othman dan Salmah Ishak (2011). Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi*, 56(Sains Sosial), Sept. 2011: 47-68
- Nor Aishah Buang (2013), Pendidikan Keusahawanan, Selangor: Penerbit UKM
- Norzila Abdul Razak, Fauziah Ahmad & Parilah Mohd Shah (2007). *Perceived and Preferred Teaching Styles of ESP Students*. *Jurnal e-Bangi*, 2(2), 1–20
- Nurul Ezzati Aziz, Halimah Maalip, Noordin Yahya (2011). *Perbandingan faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran antara sekolah di bandar dan luar bandar*. *Jurnal Pengurusan Pendidikan* (1): 31-47
- Othman Bin Md. Johan & Rahmadhaniah Binti Abdul Majid (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tahun 4 Perdana, Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Sesi 2007/2008*, Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, 1-7.
- Othman Mohd Yunus & Mohmad Mohd Derus (2005). *Of Academic Performance and Personality Types*. Seminar on Learning and Motivation (3rd ISLM). Langkawi
- Rahayu Johari (2009). Pengaruh Gaya Pengajaran Guru Cemerlang Fizik dan Gaya Pembelajaran Murid terhadap pencapaian murid tingkatan empat dalam mata pelajaran Fizik. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- R. J. Charkins, Dennis M. O'Toole and James N. Wetzel *The Journal of Economic Education* Vol. 16, No. 2 (Spring, 1985), pp. 111-120 Published by: Taylor & Francis, Ltd.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Shafee Mohd Daud, Jafar Shabani (2011). *Academic achievement of student different learning style*. *International Journal of Psychological Studies*. Vol 3, No. 2 December 2011.
- Rohaila Yusof, Norasmah Othman, Faridah Karim (2005). *Strategi pembelajaran berasaskan model kolb dalam pendidikan perakaunan*. *Jurnal Pendidikan* 30(2005):113-128
- Rosni Zamuddin Shah bin Sidek & Norfazila binti Abu Bakar (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan di UTM*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. 1-10
- Ruslin Amir (2008). *Stail berfikir, sail pengajaran pensyarah dan stail pembelajaran pelajar*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Salina Kassim (2006). Lokus Kawalan dan Hubungannya dengan Pencapaian Prinsip Perakaunan di Kalangan Pelajar Tingkatan 4. Tesis Sarjana Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Selmes, I.P. (1987). *Improving Study Skills*. London: Hodder & Stoughton Educational.
- Shahrin Hashim, Herdy Bailum (2010). *Perbandingan faktor-faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran antara sekolah bandar dan luar bandar*. 1-10

- Shabuddin Hashim (2003). *Pedagogi: Strategi dan teknik megajar berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Sherri L. Jackson (2006). *Research Methods and Statistics A Critical Thinking Approach* (2nd Ed). Thompson Higher Education, USA
- Yusof bin Boon&Sapiah binti Bohari (2010). *Kesediaan Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan Di Kalangan Pelajarpelajar Bumiputera Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Sekitar Skudai, Johor*, 1-13.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim (2009). *Perbandingan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Guru Bahasa Inggeris*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 67-92
- Berita Harian (2013). Statistik Kebankrapan di Malaysia, Berita Harian 7 Nov 2013. <http://www.bharian.com.my/node/6267> [20 November 2014]
- Kementerian Pengajian Tinggi (2012). Punca Graduan Sukar Dapat Kerja. <http://blog.mohe.gov.my/2012/11/punca-graduan-sukar-dapat-kerja.html>[29 Mei 2015]

_____0000_____